

MATRIK ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN

SEMASA DIALOG ATAS TALIAN UNTUK KUMPULAN MISKIN BANDAR (B40) DAN GELANDANGAN

TARIKH: 16 APRIL 2020

BIL.	ISU-ISU	SYOR/CADANGAN
1.	<p>Tiada koordinasi antara NGO dalam menyalurkan bantuan:</p> <p>Majoriti NGO tidak mempunyai koordinasi antara satu sama lain semasa memberikan bantuan di sesebuah kawasan. Ini menimbulkan kesukaran dalam aspek pengedaran barang-barang bantuan serta berlakunya pertindahan/lambakan bantuan diberikan kepada individu yang sama. Situasi ini menyebabkan bekalan bantuan terhad dan tidak dapat diedarkan kepada individu lain yang lebih memerlukan.</p>	<ul style="list-style-type: none">i. Kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menyediakan <i>Standard Operating Prosedur</i> (SOP) kepada NGO untuk tujuan koordinasi. Oleh demikian, NGO diminta menghormati SOP tersebut dengan mengikuti langkah-langkah yang disediakan oleh pihak Kerajaan. Pihak Kerajaan hendaklah bersedia untuk bekerjasama dengan NGO bagi menyalurkan bantuan kepada golongan B40 dan gelandangan.ii. Sistem data NGO yang sedia ada hendaklah ditambah baik daripada masa ke semasa agar sistem data maklumat tersebut lebih menyeluruh dan bersepadu. Selain itu, akses pihak agensi kerajaan lain yang memerlukan maklumat NGO berdaftar hendaklah diberikan dengan syarat kerahsiaan maklumat sulit NGO yang berdaftar tersebut diberi keutamaan.iii. Untuk mengelakkan pertindihan bantuan kepada individu yang sama, NGO boleh bekerjasama antara satu sama lain dengan membuat pembahagian kawasan bagi pengedaran barang-barang bantuan. Usaha ini dapat mengelakkan berlakunya lambakan bantuan kepada individu yang sama

		<p>serta memastikan semua golongan B40 yang memerlukan menerima bantuan sewajarnya.</p> <p>iv. Terdapat juga cadangan supaya pembahagian tugas dibuat mengikut kluster seperti kluster kesihatan, kluster kebajikan, kuster pendidikan dan sebagainya di kalangan NGO bagi memastikan setiap NGO mempunyai fokus tertentu di dalam menyalurkan bantuan serta mengelakkan dari berlakunya pertindihan tugas.</p>
2.	<p>Tiada bekalan peralatan mencukupi</p> <p>Semasa sesi dialog, NGO telah membangkitkan mengenai beberapa peralatan dan keperluan asas yang tidak mencukupi sepertimana berikut:</p> <p>i. Terdapat anggota badan beruniform yang mengalami kekurangan bekalan topeng penutup hidung, mulut serta peralatan perlindungan diri (PPE) dalam berdepan situasi mengawal wabak coronavirus (COVID-19). Hal ini boleh memberikan kesan buruk dari aspek keselamatan, kesihatan dan kebajikan kepada petugas-petugas di barisan hadapan semasa mereka bertugas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);</p> <p>ii. Terdapat permintaan tinggi untuk keperluan bayi seperti susu tepung dan lampin bayi, tuala wanita (<i>sanitary pad</i>) serta keperluan mendapatkan makanan bernutrisi khususnya kepada ibu mengandung.</p>	<p>i. Sumbangan berbentuk wang dan barangan keperluan asas oleh pelbagai pihak, individu perseorangan dan lain-lain yang diberikan kepada agensi Kerajaan dan melalui NGO hendaklah diuruskan secara telus dan bersepadu.</p> <p>ii. Kerjasama yang baik antara Kerajaan dan NGO dapat memastikan sumbangan barangan keperluan di masa pandemik ini dapat disalurkan kepada semua golongan yang memerlukan bantuan selain dapat mengelakkan berlakunya pertindihan bantuan atau lambakan bantuan kepada individu yang sama.</p>

<p>3.</p>	<p>Tiada data yang lengkap di JKM</p> <p>i. Terdapat isu mengenai golongan B40 yang tidak mempunyai kad pengenalan diri terutamanya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Berdasarkan JKM, kumpulan sasar yang sering menerima bantuan adalah diambil daripada mereka yang status kemiskinan telah disahkan dalam Sistem eKasih. Sehubungan itu, individu yang tidak mempunyai kad pengenalan sering kali tercicir daripada senarai penerima bantuan;</p> <p>ii. Di Semenanjung Malaysia, ketiadaan data lengkap bagi individu yang memerlukan bantuan juga menyukarkan gerak kerja NGO yang terlibat. Terdapat NGO yang hanya bergantung pada data yang diperolehi daripada penduduk setempat, yang mana, situasi ini menyebabkan berlakunya ketirisan dalam penyaluran bantuan.</p> <p>iii. Selain dari isu ketiadaan kad pengenalan, terdapat juga situasi di mana golongan B40 yang tidak mempunyai akaun bank. Hal ini menyukarkan bantuan kewangan diberikan kepada mereka.</p>	<p>i. JKM terutamanya JKM daerah perlu berkerjasama dengan NGO serta menyediakan senarai nama penerima bantuan yang layak menerima sumbangan. Situasi ini dapat meringankan beban JKM apabila sumber tenaga dan bekalan barangan dapat diagihkan kepada golongan memerlukan dengan bantuan NGO.</p> <p>ii. Berkenaan isu golongan B40 yang tidak mempunyai akaun bank, SUHAKAM menyambut baik usaha yang dilakukan oleh beberapa wakil rakyat dan NGO menerusi usahasama mereka dengan pasar-pasar berdekatan kediaman golongan B40. Sejumlah peruntukan kewangan akan diberikan kepada peniaga pasar yang terlibat dan mana-mana individu B40 yang layak menerima sumbangan boleh mendapatkan barangan keperluan di pasar tersebut menggunakan peruntukan yang disediakan oleh NGO.</p>
<p>4.</p>	<p>Risiko golongan B40 kehilangan pekerjaan</p> <p>i. Pasaran pekerjaan Malaysia didominasi hampir 60 peratus pekerja berkemahiran rendah dan sederhana atau dikenali sebagai B40. Bank Negara Malaysia (BNM) menjangkakan kadar pengangguran nasional akan meningkat kepada 4 peratus pada tahun 2020 akibat ketidakpastian ekonomi</p>	<p>i. Pakej Prihatin yang diumumkan merupakan salah satu inisiatif dan keprihatinan Kerajaan untuk membantu golongan B40 meneruskan kelangsungan hidup mereka terutama dalam situasi semasa ini.</p> <p>ii. Walaubagaimanapun, Kerajaan perlu terus membantu golongan B40 selepas tempoh PKP dengan menyediakan</p>

	<p>disebabkan COVID-19.</p> <p>ii. Sepanjang tempoh PKP, terdapat golongan B40 yang diberhentikan kerja, tidak dibayar gaji atau tidak dapat bekerja terutamanya peniaga kecil-kecilan. Selain itu, golongan yang menerima gaji harian turut terjejas apabila kehilangan sumber pendapatan.</p> <p>iii. Ketiadaan sumber kewangan berterusan akan menjejaskan keupayaan golongan B40 memenuhi keperluan asas serta menyukarkan proses kelansungan hidup mereka.</p>	<p>peluang pekerjaan kepada mereka yang kehilangan pekerjaan akibat dari situasi COVID-19.</p>
<p>5.</p>	<p>Akses pendidikan kepada pelajar di pedalaman</p> <p>Pandemik COVID-19 memberi impak besar kepada pendidikan sama ada peringkat rendah, menengah mahupun pengajian tinggi. Penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta, pusat tahfiz serta institusi pengajian tinggi menyebabkan proses pembelajaran harus dihentikan seketika.</p> <p>Di awal PKP, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memanfaatkan penggunaan teknologi untuk memastikan kesinambungan pembelajaran yang mana guru menggunakan platform pembelajaran dalam talian untuk pengajaran, berinteraksi dengan pelajar dan memberi latihan secara maya.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, kaedah ini dilihat tidak bersesuaian untuk digunapakai bagi pelajar yang tinggal di pedalaman khususnya di Sabah, Sarawak serta masyarakat Orang Asli. Kebanyakan pelajar ini terdiri daripada keluarga B40 dan tidak mempunyai talian</p>	<p>i. KPM perlu memastikan pelajar di kawasan pedalaman turut diberikan akses kepada pendidikan secara berterusan seperti pelajar di bandar. KPM dengan kerjasama NGO dan ketua komuniti boleh menyalurkan bahan-bahan bacaan/ulangkaji kepada pelajar di kawasan pedalaman, bagi membantu mereka meneruskan pembelajaran sepanjang tempoh PKP.</p> <p>ii. Selain itu, KPM mungkin boleh mempertimbangkan untuk menyediakan kemudahan TV Pendidikan yang boleh diikuti oleh pelajar di luar bandar tanpa menggunakan talian internet.</p>

	<p>internet di rumah. Ini menyebabkan mereka gagal mengikuti proses pembelajaran dalam talian dan sekiranya isu ini tidak ditangani, ianya boleh menjejaskan peluang pelajar di pedalaman menikmati akses kepada pendidikan sama seperti pelajar di bandar.</p>	
<p>6.</p>	<p>Kesukaran NGO terhadap SOP KPWKM</p> <p>Berdasarkan SOP yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), setiap NGO perlu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. menghubungi bilik gerakan JKM negeri sehari sebelum aktiviti penyaluran sumbangan; ii. hanya barangan kering dan yang dimasak sahaja dibenarkan untuk diedar. Selain itu, sukarelawan NGO mesti memakai topeng muka, sarung tangan serta membawa pembasmi kuman ketika mengagihkan sumbangan; iii. sukarelawan NGO juga perlu diperiksa suhu badan dengan mereka yang bergejala tidak dibenarkan terlibat, menjaga jarak sosial dan terhad hanya dua sukarelawan (NGO) sahaja pada setiap kali agihan bantuan dijalankan serta perlu disertai anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). <p>Walaupun bagaimanapun, terdapat NGO yang menyatakan gerak kerja mereka menjadi terbatas dan agak sukar sekiranya perlu memaklumkan kepada JKM Negeri setiap kali aktiviti pengagihan</p>	<p>Terdapat cadangan agar JKM memberikan kelulusan secara “one off” kepada mana-mana NGO yang ingin memberikan sumbangan bantuan berbanding NGO perlu melaporkan kepada JKM Negeri setiap kali ingin membuat sumbangan, yang mana ianya dilihat lebih bersifat birokrasi.</p>

	<p>sumbangan ingin dijalankan.</p> <p>Selain itu, terdapat juga NGO yang memaklumkan disebabkan gagal memperolehi permit/kebenaran daripada pihak berkuasa, mereka tidak dapat mengedarkan bantuan kepada individu lain di luar kawasan dan pengedaran bantuan hanya terhad kepada penduduk di kawasan sekitar lokasi NGO tersebut beroperasi.</p>	
<p>7.</p>	<p>Isu transgender/LGBT</p> <p>Terdapat beberapa isu berkaitan transgender/LGBT yang dibangkitkan semasa sesi dialog:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ketiadaan data berkenaan statistik/maklumat transgender menyukarkan Kerajaan mengesan golongan ini bagi menyalurkan sumbangan. Selain itu, terdapat juga golongan transgender khususnya di Sabah yang tidak mempunyai kad pengenalan diri dan menyebabkan mereka sering terpinggir dari menerima sebarang bentuk sumbangan daripada Kerajaan; ii. Kebanyakan transgender juga amat menitikberatkan isu privasi dan enggan mendedahkan data mereka kepada Kerajaan. Keengganan ini disebabkan mereka risau maklumat disalah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Disamping itu mereka juga bimbang untuk tampil mendapatkan bantuan dari segi keperluan asas dan kesihatan disebabkan stigma; 	<ul style="list-style-type: none"> i. Isu pencabulan kepada kerahsiaan dan data statistik/maklumat peribadi merupakan salah satu isu hak asasi manusia pada era digital masa kini. Perkara ini bukan sahaja memberi kesan kepada golongan transgender dan LGBT di Malaysia malah kepada semua individu. Oleh demikian, dalam menguruskan perkara ini, Kerajaan hendaklah memastikan setiap individu dilindungi data peribadi melalui undang-undang yang berkaitan. ii. Dari aspek pemberian bantuan, Kerajaan telah mengamalkan prinsip tiada diskriminasi dalam pemberian bantuan tanpa mengira agama, bangsa dan status.

	<p>iii. Transgender/LGBT di Malaysia juga terdedah kepada stigma masyarakat yang sering menganggap kejadian bencana yang berlaku adalah disebabkan oleh kelakuan/tindakan daripada komuniti transgender/LGBT. Situasi ini menyebabkan terdapat golongan transgender/LGBT yang tertekan dan mengalami masalah kemurungan emosi. Golongan seperti ini seharusnya diberikan sokongan moral untuk mengembalikan semula keyakinan diri mereka.</p>	
<p>8.</p>	<p>Kekurangan dana bagi meneruskan operasi taska</p> <p>Pengusaha tadika merupakan antara peniaga yang terkesan akibat situasi COVID-19. Di Malaysia, lebih 90% taska merupakan taska swasta dan kebanyakannya menawarkan yuran serendah RM800 dan ke bawah. Taska swasta beroperasi menggunakan yuran yang dibayar oleh ibubapa. Terdapat beberapa isu yang dibangkitkan oleh pengusaha taska semasa sesi dialog:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kebanyakan pengusaha taska merupakan golongan B40 dan mereka sering mengalami dilema samada perlu memohon bantuan dibawah Skim Kredit Mikro atau Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS); ii. Hanya 30 peratus sahaja taska yang mampu bertahan untuk beroperasi termasuk membayar sewa premis, gaji guru dan pekerja serta bil utiliti sekurang-kurangnya dalam tempoh sebulan sekiranya tidak menerima yuran dari ibubapa. Sekiranya PKP terus dilanjutkan, kemungkinan banyak taska akan ditutup kerana tiada sumber kewangan untuk terus beroperasi. 	<p>Majikan perlu mengenalpasti pekerja bapa atau ibu tunggal yang mempunyai anak kecil dikecualikan dari bekerja sepanjang PKP memandangkan taska tidak beroperasi semasa PKP.</p>

	<p>iii. Kebanyakan petugas barisan hadapan yang bertugas menghadapi kesukaran untuk menghantar anak mereka ke taska semasa tempoh PKP.</p>	
9.	<p>Isu penangguhan bayaran PPR</p> <p>Kerajaan bersetuju memanjangkan pengecualian pembayaran sewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) daripada tempoh sebulan yang diumumkan sebelum ini kepada enam bulan dalam usaha membantu golongan B40. Walaubagaimanapun, pengecualian pembayaran ini hanya tertakluk kepada PPR di bawah Kerajaan Persekutuan dan tidak terpakai kepada PPR di Negeri Selangor.</p>	<p>Kerajaan perlu memastikan agar pengecualian pembayaran PPR turut terpakai kepada penduduk PPR di Negeri Selangor.</p>
10.	<p>Gelandangan</p> <p>Golongan gelandangan turut terkesan dengan situasi COVID-19. Antara isu yang dibangkitkan berkaitan golongan ini adalah:</p> <p>i. Sebelum tempoh PKP, terdapat NGO yang sering memberikan bekalan makanan/minuman secara mingguan kepada golongan gelandangan. Walaubagaimanapun, selepas tempoh PKP, NGO mendapati golongan yang hadir untuk menerima sumbangan makanan bukan hanya terdiri daripada gelandangan, malah turut melibatkan golongan pekerja asing. Ini adalah kerana kebanyakan pekerja asing merupakan pekerja yang menerima gaji secara harian atau berdasarkan kontrak. Oleh itu, penguatkuasaan PKP menyebabkan mereka kehilangan punca pendapatan;</p>	<p>i. SUHAKAM menyambut baik usaha Kerajaan dalam menyediakan penempatan sementara kepada golongan gelandangan, memberikan rawatan kesihatan serta makanan kepada mereka sepanjang tempoh PKP. Operasi gelandangan ini dibuat bagi memastikan nasib golongan berkenaan terbelah, seterusnya menghalang mereka dari terdedah dengan wabak COVID-19, terutama di kawasan yang dikategorikan sebagai zon merah.</p> <p>ii. SUHAKAM berharap agar usaha Kerajaan ini dapat diteruskan selepas tempoh PKP dengan memberi mereka peluang pekerjaan, bantuan kewangan dan perumahan kepada golongan gelandangan meneruskan hidup.</p>

	<p>ii. Kebanyakan gelandangan tidak pernah menerima pemeriksaan kesihatan dan mendedahkan mereka kepada penularan penyakit berjangkit;</p> <p>iii. Kebanyakan gelandangan tidak menjaga kebersihan diri dengan sempurna dan situasi COVID-19 yang melanda negara khususnya di Kuala Lumpur mendedahkan golongan ini kepada mereka yang berpotensi tinggi untuk dijangkiti.</p>	
<p>11.</p>	<p>Keganasan rumah tangga</p> <p>Masalah kewangan yang dihadapi oleh sebilangan keluarga B40 menyebabkan ada di antara mereka berada dalam tekanan emosi dan kemurungan yang melampau. Situasi ini boleh menyumbang kepada berlakunya penderaan bagi melepaskan emosi mereka. Semasa sesi dialog, NGO turut mendakwa bahawa mereka menerima peningkatan aduan berkaitan keganasan domestik seperti kes penderaan ke atas isteri dan anak sepanjang tempoh PKP.</p> <p>Selain itu, penguatkuasaan PKP yang memasuki fasa ketiga secara tidak langsung boleh menyebabkan tekanan emosi kepada penghuni rumah yang mempunyai bilangan ahli keluarga ramai kerana mereka terpaksa berkurung di dalam ruang rumah yang sempit.</p>	<p>i. Kerajaan dengan kerjasama NGO boleh membantu memberikan sokongan emosi atau kaunseling untuk mengurangkan tahap tekanan yang dialami;</p> <p>ii. SUHAKAM memuji usaha beberapa NGO yang menyediakan penempatan sementara kepada mangsa penderaan khususnya wanita sebagai sokongan moral dan melindungi keselamatan mereka.</p>
<p>12.</p>	<p>Kesukaran OKU mendapatkan akses pengangkutan</p> <p>Terdapat beberapa isu yang dibangkitkan berkaitan golongan OKU:</p>	<p>Sepanjang tempoh PKP, Kerajaan perlu mengenalpasti mana-mana OKU yang mengalami kesukaran untuk bergerak dan memastikan bantuan disalurkan ke rumah mereka.</p>

	<ul style="list-style-type: none"> i. Penguatkuasaan PKP menyebabkan pergerakan golongan OKU terbatas apabila akses kepada pengangkutan awam disekat. Terdapat juga OKU yang tidak dapat meneruskan rawatan di hospital kerajaan akibat daripada situasi COVID-19; ii. Keterbatasan pergerakan juga menyukarkan mereka untuk ke bank/ATM bagi mengeluarkan wang simpanan. 	<p>MKN memberikan kebenaran kepada NGO untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan bagi OKU yang ingin ke bank.</p>
13.	<p>Bantuan kepada golongan pekerja asing yang terdiri dari rakyat Indonesia, Nepal dan Bangladesh</p> <p>Terdapat golongan pekerja asing yang tidak mempunyai sebarang dokumen atau mempunyai dokumen yang telah tamat tempoh. Sehubungan itu, golongan ini enggan tampil mendapatkan sebarang bantuan kerana risau ditahan dan dikenakan tindakan undang-undang.</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Pihak kedutaan perlu memainkan peranan secara efektif dan proaktif dalam memberikan bantuan kepada warganegara masing-masing kerana perkara itu merupakan tanggungjawab mereka khususnya di kala krisis global pandemik pada masa kini. ii. Selain itu, agensi penguatkuasaan hendaklah membuat SOP sementara atau langkah moratorium bagi membendung wabak pandemik ini dengan tidak menahan mana-mana pekerja asing yang tampil memohon bantuan sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan.